

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 10 JUN 2022
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 29

ECERDC kaji cadangan naik taraf TBSB kepada Pelabuhan

ECERDC kaji cadangan naik taraf TBSB kepada pelabuhan

FOTO:MPRC.GOV.MY

PASIR PUTEH - Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) sedang meneliti cadangan untuk menaik taraf Tok Bali Supply Base (TBSB) di sini kepada sebuah pelabuhan secara rasmi, kata Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob.

Beliau berkata, langkah tersebut diambil untuk memanfaatkan keputusan kerajaan meluluskan insentif cukai khas bagi memacu pelaburan di Tok Bali sebagai pusat pertumbuhan baharu, dengan memberikan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100 peratus selama 15 tahun dan cukai pendapatan pada kadar istimewa 17 peratus bagi lima tahun berikutnya.

"ECERDC sedang meneliti (cadangan) untuk menaik taraf TBSB yang ada sekarang kepada sebuah pelabuhan secara rasmi.

"Pelabuhan ini akan membantu pihak berkuasa mengadakan hubungan dagang secara terus dengan Thailand, Vietnam dan China, seterusnya memesatkan pertumbuhan ekonomi di Tok Bali," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Dataran Bahtera pada Khamis.



Status pelabuhan akan bantu pihak berkuasa mengadakan hubungan dagang secara terus dengan Thailand, Vietnam dan China, seterusnya memesatkan pertumbuhan ekonomi di Tok Bali.

Pada Januari lalu, Kementerian Kewangan meluluskan insentif cukai khas tersebut untuk memacu pelaburan di Tok Bali.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata, individu pemastautin bukan warganegara yang memegang jawatan pengurusan kanan bagi syarikat yang diluluskan insentif berkenaan hanya akan dikenakan kadar cukai rata sebanyak 15 peratus untuk meningkatkan daya saing

Kelantan dan satu Jawatankuasa Pembangunan Tok Bali telah diwujudkan.

"Jawatankuasa tersebut akan bertindak menyelaraskan projek-projek pembangunan yang sedang dan akan dilaksanakan.

"Kerajaan terpaksa bertindak cepat supaya pelabur tidak beralih dan membuat pelaburan di Selatan Thailand, sedangkan di tempat kita lebih berpotensi berbanding wilayah tersebut," katanya. - Bernama